

Kapal: Bukti keyakinan teknologi Perancis

(D. M. Oversee) faps
ST. NAZAIRE, PERANCIS 9 Julai — Upacara menamakan dua buah kapal pengangkut gas cecair asli (LNG) milik Petronas di sini hari ini, merupakan bukti keyakinan Malaysia terhadap industri berteknologi tinggi Perancis.

Malaysia berharap pengusaha kapal Malaysia akan dapat mempelajari teknologi pembikinan yang amat khusus itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yakin bahawa industri pembikinan kapal di Malaysia akan dapat memanfaatkan pengalaman dan kepakaran Perancis.

Beliau percaya pada potensi masa depan industri perkapalan di Malaysia dan sebagai bukti, limbungan-lingungan kapal negara ini sudah mulai beralih kepada pembikinan kapal yang lebih besar dengan teknologi yang lebih kemaskini.

"Bagaimanapun, keupayaan mereka masih terbatas untuk membolehkan mereka membina kapal pengangkut LNG secanggih yang kita namakan hari ini," katanya.

Dr. Mahathir juga berkeyakinan bahawa pemindahan teknologi dalam bidang pembuatan dan operasi akan berlaku dalam proses itu.

Beliau berpuas hati bahawa Petronas mempunyai pasukan projek yang khusus mengawasi setiap peringkat pembikinan.

"Saya harap mereka akan mendapat pengetahuan dan pengalaman yang boleh disalurkan kepada orang lain di Malaysia kelak," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, keyakinan Malaysia pada keupayaan dan teknologi perkapalan Perancis bermula lebih satu dekad lalu.

Apabila projek LNG pertama dimulakan, Malaysia telah mendapatkan kepakaran Perancis itu membina lima buah kapal pengangkut.

Kemampuan

Menurutnya, kapal-kapal itu masih beroperasi dan disewakan kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC).

Dr. Mahathir berkata, kemampuan kapal-kapal buatan Perancis telah membolehkan Malaysia menjadi pengeksport gas cecair asli yang bertanggungjawab kepada pelanggan-pelanggannya.

"Kita bangga dengan rekod lebih seribu penghantaran kargo gas itu sehingga ini," katanya.

Majlis menamakan dua kapal

1030000
pengangkut itu merupakan acara terakhir dalam rangka lawatan rasmi Perdana Menteri ke Perancis selama empat hari.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali telah melaksanakan upacara menamakan kedua-dua kapal pengangkut itu.

Kapal-kapal itu masing-masing diberi nama Puteri Delima dan Puteri Intan.

Kedua-dua kapal itu dibina oleh Chantiers de l'Atlantique untuk Petronas Tankers Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Petronas.

Puteri Intan dan Puteri Delima adalah dua daripada lima buah kapal pengangkut gas yang ditempah oleh Petronas.

Setiap sebuah kapal boleh membara 130,000 meter padu gas.

Tiga buah lagi kapal pengangkut dijangka siap pada Julai 1995, Julai 1996 dan Julai 1997.

Puteri Intan dijadualkan akan diserahkan kepada Petronas 'Ogos ini dan akan mula mengangkut gas sebulan selepas itu.

Petronas menjangka akan menerima Puteri Delima pada Januari tahun depan. — *Utusan*.